



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**  
**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di daerah **Kuala Muda** serta **MPSPK** yang masih dibenar membuat kerja-kerja sebut harga adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini :-

BIL	NO. SEBUT HARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN
1	15/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Kawasan Perindustrian Gurun, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01
2	16/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Taman Desa Baiduri, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01
3	17/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Taman Permai, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01
4	18/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Taman Desa Aman, Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01
5	19/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Taman Teratai Mekar, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE21
6	20/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Taman Palma, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01
7	21/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di Taman Sri Wang, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01
8	22/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan di SP Heights, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01

Harga Dokumen : **RM10.00 senaskhah (tunai)**  
(Wang tidak akan di kembalikan)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Perbendaharaan (Seksyen Perolehan)** mulai **15 Februari 2021** dan waktu seperti berikut :-

Ahad – Rabu	:	8.15 pagi – 12.15 tengah hari 2.15 petang – 4.45 petang
Khamis	:	8.15 pagi – 12.15 tengah hari 2.15 petang – 3.15 petang

Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama **cop syarikat**, dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Tarikh tutup sebut harga ialah pada jam **12.00 tengah hari** pada **23 Februari 2021**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis nama tawaran dan nombor sebut harga dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** serta dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga di **Kaunter Jualan Dokumen Sebut Harga dan Tender, Tingkat 1, Laluan Auditorium, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

**Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**

**Untuk makluman,**

Lawatan tapak tidak diadakan bagi mengawal jangkitan Covid-19. Tuan / puan boleh melawat sendiri kawasan / tapak berkenaan sepanjang tempoh sebut harga ini dijual. Sekiranya pihak tuan / puan ingin melawat kawasan / tapak berkenaan, sila pastikan pihak tuan / puan mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan pemakaian pelitup muka.